

# AL-ABRAR

*Satu Amalan, Sejuta Manfaat*

BULETIN PUSAT WAKAF DAN ZAKAT

# 2025

## **Wakaf dan Koperasi:**

Pemangkin Pembangunan Sosioekonomi Ummah

## **Prinsip Fiqh Wakaf:**

Asas Penting dalam Menjamin Kesahihan Wakaf

## **Aplikasi Wakaf Mengikut Undang-Undang**

e ISSN 3083-9521



9 773083 952009

## **Pusat Wakaf dan Zakat**

Kompleks Islam Tuanku Muhriz  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai, Negeri Sembilan

No. Tel: 06-798 0240/0242/0243  
E-mel: infozakat@usim.edu.my

Cetakan Edisi 2025  
e-ISSN: 3083-9521

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disalin, disimpan dalam sebarang sistem penyimpanan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis daripada **Pusat Wakaf dan Zakat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**.

## **Terbitan 2026 Oleh:**

### **Pusat Wakaf dan Zakat**

Kompleks Islam Tuanku Muhriz  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai, Negeri Sembilan

# **SIDANG** **EDITORIAL** **BULETIN PWZ EDISI 2025**

## **PENASIHAT**

PROF. MADYA DR. AHMAD ZAKI SALLEH

## **KETUA EDITOR**

PROF. MADYA DR. NUR AINNA RAMLI

## **PENOLONG KETUA EDITOR**

EN. MUHAMMAD FAHMI MOHD ZAIN

## **PASUKAN EDITOR**

CIK HAKIMAH HAMIR

PN. NURUL HUSNA ANNUAR

PN. SITI ZULAIKA AREP

## **PENYUMBANG BERITA DAN GAMBAR**

PN. NOOR JULIANA HUSSAIN

PN. MAZNIDA AHMAD

## **PEREKA GRAFIK**

CIK ARDINI QISTINA SATAR

**ISI**

# KANDUNGAN

**BULETIN PWZ EDISI 2025** ”

**KATA ALUAN PENGARAH**

---

**IV**

**SEKAPUR SIRIH**

---

**V**

**PENULISAN WACANA ILMIAH**

---

**01**

**LAPORAN AKTIVITI**

---

**04**

**KE MANAKAH SUMBANGAN ANDA?**

---

**10**

**LENSA PWZ**

---

**13**

# KATA ALUAN PENGARAH



Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi atas limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat kembali bersama melalui penerbitan Buletin AI-Abrar terbitan Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ). Pada kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada sidang editorial Buletin AI-Abrar atas komitmen dan usaha yang berterusan dalam menerbitkan buletin ini.

Penerbitan buletin kali ini menghimpunkan laporan komprehensif berkaitan program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh PWZ sepanjang tahun 2025, termasuk pelaporan kewangan dana di bawah seliaan PWZ. Keseluruhan kandungan yang diketengahkan mencerminkan pencapaian serta iltizam berterusan PWZ dalam melaksanakan amanah Universiti secara terancang dan berfokus.

Pada tahun ini, PWZ telah merangka pelbagai perancangan serta gerak kerja strategik bagi membantu Universiti menangani isu-isu utama, khususnya berkaitan kebajikan pelajar yang merangkumi aspek pengangkutan, keselamatan dan kesihatan. Barisan pengurusan PWZ turut memberi penekanan terhadap peningkatan keterlihatan PWZ melalui pelaksanaan program jerayawara ke fakulti-fakulti serta penyertaan aktif dalam program-program berimpak tinggi bagi meningkatkan kesedaran warga Universiti dan masyarakat terhadap inisiatif pendanaan yang diusahakan oleh PWZ.

PWZ turut mencatat pencapaian positif melalui pengukuhan kerjasama korporat dan peningkatan penyertaan staf USIM dalam skim potongan gaji bulanan. Seiring dengan itu, PWZ telah mengambil inisiatif untuk memperkukuh tadbir urus pengurusan dan pentadbiran melalui pemantapan terma rujukan tabung serta garis panduan pengurusan dana, yang menjadi antara komitmen signifikan hasil dedikasi seluruh warga kerja PWZ.

Insyallah, dengan sokongan doa dan harapan semua pihak, PWZ akan terus berkembang sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab Universiti yang holistik dan berdaya saing dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan zakat, wakaf, infaq dan endowmen secara amanah, efisien dan profesional demi kesejahteraan ummah.

Akhir kalam, diharapkan Buletin AI-Abrar ini mampu memberi manfaat dan informasi untuk rujukan kepada semua pembaca, Insyallah.

*"Satu Amalan Sejuta Manfaat"*

**Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki Salleh**

Pengarah

Pusat Wakaf dan Zakat

# SEKAPUR SIRIH



Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Allah SWT atas limpahan rahmat serta keizinan-Nya, maka Buletin AI-Abrar akhirnya dapat diterbitkan bagi keluaran tahun 2025.

Buletin AI-Abrar merupakan terbitan rasmi Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) USIM yang menghimpunkan pelbagai sorotan lensa aktiviti serta inisiatif yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2025. Penerbitan buletin ini turut berperanan sebagai wadah penghargaan dan tanda terima kasih kepada rakan-rakan strategik PWZ yang terdiri daripada institusi perbankan dan kewangan Islam, badan berkanun, koperasi, syarikat swasta serta individu yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan pelbagai program kebajikan demi kesejahteraan warga USIM khususnya.

Edisi kali ini juga mengetengahkan pencapaian yang telah direkodkan oleh PWZ sepanjang tahun 2025. Paparan ini diharapkan dapat memberi gambaran jelas kepada para penyumbang serta memperkukuh keyakinan mereka terhadap komitmen dan ketelusan PWZ dalam menguruskan dana zakat, wakaf, infaq dan endowmen secara beramanah dan berintegriti. PWZ turut memainkan peranan penting dalam memastikan dana yang disumbangkan dapat diagihkan secara holistik, membantu ramai pihak di USIM dengan pendekatan yang menyeluruh dan berkesan.

Selain itu, buletin ini diharap menjadi platform perkongsian idea dan inovasi dalam pengurusan zakat, wakaf, infaq dan endowmen serta berperanan sebagai sumber rujukan dan maklumat bukan sahaja kepada warga USIM, malah kepada masyarakat umum yang ingin mengenali peranan PWZ dengan lebih dekat. Buletin ini turut menyampaikan perkembangan terkini berkaitan projek, inisiatif serta laporan kutipan dan agihan dana secara menyeluruh dan komprehensif yang dilaksanakan oleh PWZ sepanjang tahun 2025. Mudah-mudahan penerbitan ini menjadi pemangkin inspirasi dan motivasi kepada para dermawan untuk terus menyokong serta menyumbang kepada tabung-tabung kebajikan USIM pada masa hadapan.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah saya rakamkan kepada seluruh warga kerja Buletin AI-Abrar yang telah berusaha gigih merealisasikan penerbitan edisi 2025 kali ini. Semoga segala pengorbanan dan sumbangan yang dicurahkan mendapat ganjaran terbaik di sisi Allah SWT.

Sekian, wassalam.

**Prof. Madya Dr. Nur Ainna Ramli**

Ketua Editor  
Buletin AI-Abrar  
Edisi 2025

# PENULISAN WACANA ILMIAH

## PRINSIP FIQH WAKAF: ASAS PENTING DALAM MENJAMIN KESAHIHAN WAKAF

Prof. Madya Dr. Mohd Nasir bin Abdul Majid  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM

Wakaf merupakan satu instrumen kebajikan yang mempunyai kedudukan penting dalam sistem ekonomi Islam. Bagi memastikan wakaf dilaksanakan secara sah dan menepati tujuan syariah, Islam telah menetapkan beberapa prinsip dan peraturan fiqh yang perlu difahami dan dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat.

Antara prinsip utama dalam wakaf ialah keperluan pemilikan penuh terhadap harta yang ingin diwakafkan. Wakaf tidak sah dilakukan ke atas harta yang bukan milik pemberi wakaf atau yang tidak berada di bawah kuasa pemilikannya. Prinsip ini menegaskan bahawa seseorang hanya boleh mewakafkan harta yang dimiliki secara sah dan sempurna menurut syarak, kerana wakaf merupakan satu bentuk sedekah yang mengikat dan kekal.

Selain itu, harta wakaf mestilah benda yang dimiliki secara sah dan boleh dimanfaatkan secara berterusan dengan mengekalkan wujud asalnya. Harta yang hanya boleh dimanfaatkan dengan cara yang terlarang atau harta yang habis zatnya apabila digunakan seperti makanan dan minuman tidak sah untuk diwakafkan. Sebaliknya, harta seperti tanah, bangunan, kenderaan, peralatan dan barangan yang boleh digunakan berulang kali dibenarkan untuk diwakafkan kerana manfaatnya dapat dikekalkan dalam jangka panjang.

Dalam konteks ini, wakaf ke atas tanah dan bangunan termasuk tanaman di atasnya adalah sah begitu juga dengan wakaf ke atas harta alih seperti kenderaan, perabot dan peralatan tertentu. Amalan wakaf kenderaan bagi tujuan kebajikan seperti pengangkutan jenazah merupakan contoh wakaf kontemporari yang selari dengan prinsip fiqh kerana manfaatnya berterusan dan tidak memusnahkan harta asal.

Satu lagi prinsip penting dalam wakaf ialah larangan menetapkan syarat yang bercanggah dengan maksud wakaf. Syarat yang membenarkan pemberi wakaf menarik balik, menjual atau mengubah wakaf sesuka hati adalah bertentangan dengan sifat wakaf yang bersifat kekal. Oleh itu, syarat sebegini boleh menyebabkan wakaf menjadi tidak sah atau terbatal bergantung kepada pandangan mazhab.

Secara keseluruhannya, prinsip-prinsip fiqh wakaf ini berperanan memastikan wakaf dilaksanakan secara teratur, berintegriti dan menepati Maqasid Syariah. Kefahaman yang tepat terhadap prinsip-prinsip ini amat penting agar wakaf dapat berfungsi sebagai instrumen kebajikan yang berkesan dan memberi manfaat berterusan pada masyarakat.

# **PENULISAN WACANA ILMIAH**

## **WAKAF DAN KOPERASI: PEMANGKIN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI UMMAH**

Prof. Madya Dr. Muhammad Aunurrochim bin Mas'ad Saleh  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM

Wakaf merupakan antara instrumen penting dalam sistem ekonomi Islam yang berperanan menyokong kebajikan masyarakat dan pembangunan sosioekonomi secara berterusan. Di Malaysia, pelaksanaan wakaf semakin berkembang melalui pelbagai pendekatan termasuk penglibatan institusi koperasi yang berteraskan prinsip kerjasama dan keadilan sosial.

Gerakan koperasi di Malaysia memainkan peranan signifikan dalam memperkukuh kesejahteraan ekonomi masyarakat. Prinsip koperasi yang menekankan kebajikan ahli, tadbir urus berintegriti dan pembangunan bersama dilihat selari dengan nilai-nilai wakaf. Melalui kerangka ini, wakaf berpotensi digerakkan secara lebih tersusun, berimpak dan mampan.

Dalam memperkukuh pelaksanaan wakaf melalui koperasi, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) berperanan sebagai badan yang mewakili gerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Inisiatif berasaskan wakaf yang dilaksanakan melalui platform koperasi membuka ruang baharu kepada penglibatan masyarakat dalam amalan kebajikan secara kolektif.

Salah satu perkembangan penting dalam landskap wakaf koperasi ialah penubuhan Yayasan Infaq ANGKASA (YIA). Yayasan ini diluluskan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952. Yayasan ini berperanan mengurus pengumpulan dan pengagihan dana infaq dan wakaf secara teratur dan sistematik bagi menyokong usaha peningkatan taraf sosioekonomi, pendidikan dan kesihatan masyarakat yang memerlukan.

Secara keseluruhannya, sinergi antara wakaf dan gerakan koperasi mencerminkan satu pendekatan strategik dalam pembangunan ummah. Pelaksanaan wakaf melalui institusi koperasi bukan sahaja memperluaskan kefahaman masyarakat terhadap konsep wakaf malah berupaya menjana impak sosial yang lebih menyeluruh dan berterusan.

# PENULISAN WACANA ILMIAH

## APLIKASI WAKAF MENGIKUT UNDANG-UNDANG

Prof. Madya Dr. Mohamad Zaharuddin bin Zakaria  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM

Wakaf merupakan salah satu institusi kewangan sosial Islam yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ummah. Di Malaysia, pelaksanaan wakaf dikawal di bawah undang-undang statutori khususnya melalui Enakmen Wakaf yang menetapkan definisi, kategori, pentadbiran, serta mekanisme penggantian harta (Istibdal) bagi memastikan setiap urusan selaras dengan prinsip Syariah. Menurut Seksyen 2(1) Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005, wakaf merangkumi tiga bentuk utama: penyerahan hak milik harta, penyerahan manfaat atau keuntungan daripada harta serta pemberian kepakaran atau perkhidmatan yang dapat dimanfaatkan masyarakat. Takrif ini terpakai bagi wakaf am mahupun wakaf khas, namun tidak termasuk amanah seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949.

Dari segi kategori, wakaf terbahagi kepada dua jenis utama, iaitu Wakaf Am dan Wakaf Khas. Wakaf Am diwujudkan untuk kebajikan umum tanpa menetapkan benefisiari tertentu, manakala Wakaf Khas ditujukan bagi tujuan atau penerima tertentu termasuk wakaf keluarga atau wakaf zurri. Pembezaan ini penting bagi memastikan hasrat pewakaf direalisasikan dengan jelas dan manfaat wakaf sampai kepada golongan yang disasarkan.

Pentadbiran harta wakaf pula diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah tunggal. MAIN bertanggungjawab mengurus pendaftaran, pembangunan serta pentadbiran wakaf, selain memastikan semua kehendak pewakaf dipenuhi. Pelantikan pemegang amanah persendirian dianggap bercanggah dengan undang-undang kerana semua tanggungjawab pentadbiran hanya berada di bawah MAIN. Walaupun bidang kuasa MAIN biasanya terhad kepada negeri masing-masing, ia juga boleh meliputi pewakaf yang berdomisil di negeri tersebut walaupun harta yang diwakafkan berada di negeri lain dengan kerjasama dan persetujuan pihak berkuasa negeri terbabit.

Satu aspek penting dalam pengurusan wakaf moden ialah mekanisme Istibdal, iaitu penggantian harta *mawquf* dengan harta lain atau wang yang setara atau lebih tinggi nilainya. Istibdal dibenarkan sekiranya syarat wakaf tidak selaras dengan undang-undang, harta diambil pihak berkuasa, kegunaan harta gagal memberi manfaat, atau syarat pewakaf menjadi tidak sesuai akibat perubahan masa dan keadaan. Bagi harta wakaf seperti masjid atau tapak masjid, MAIN wajib mendapatkan pendapat Jawatankuasa Fatwa sebelum melaksanakan Istibdal.

Secara keseluruhannya, undang-undang statutori menyediakan asas yang kukuh untuk pengurusan wakaf, memastikan ia dijalankan secara telus, teratur dan selaras dengan Syariah. Dengan peranan kritikal MAIN sebagai pemegang amanah tunggal serta mekanisme seperti Istibdal, institusi wakaf dapat terus membangunkan manfaatnya kepada masyarakat menjadikannya sebagai pemangkin kesejahteraan sosial dan pembangunan ummah.

# LAPORAN AKTIVITI



## CARE2CONNECT PETRONAS: PELABURAN ILMU UNTUK MASA HADAPAN PELAJAR ASNAF USIM

Disediakan: Muhammad Fahmi Bin Mohd Zain

**NILAI** – Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Petronas Stesen Bandar Baru Nilai telah mengadakan Majlis Penyerahan Surat Tawaran Biasiswa Zakat kepada dua orang pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah pada 6 Mei 2025.

Sumbangan biasiswa ini telah disempurnakan oleh Puan Mariani Basri, Pengurus Stesen Minyak Petronas Bandar Baru Nilai yang juga merupakan rakan strategik PWZ sejak tahun 2019. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Profesor Dato' Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh, yang menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, serta dihadiri oleh barisan pengurusan USIM, PWZ dan wakil Petronas.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan kerjasama strategik antara universiti dan sektor korporat dalam memperkasa pendidikan golongan asnaf serta memberi impak positif kepada pembangunan pelajar.

## SEIKHLAS WAKAF SEINDAH RAMADAN SEMPENA IFTAR PERDANA USIM 1446H/2025

Disediakan: Noor Juliana Binti Hussain



**NILAI** – Program Seikhlas Wakaf Seindah Ramadan sempena Iftar Perdana USIM 1446H/2025 telah dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dengan kerjasama Pusat Wakaf dan Zakat serta Pusat Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Program ini telah berlangsung pada 21 Mac 2025 bertempat di Kompleks Islam Tuanku Muhriz (KITM).

Majlis dimulakan dengan Ceramah Ramadan diikuti dengan ucapan oleh YBhg. Profesor Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani, Naib Canselor USIM dan Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin, Pengerusi ASNB Wakalah Sdn. Bhd. Program ini turut menyaksikan penyerahan Dana Manfaat Wakaf merangkumi Tabung Pembangunan Pendidikan USIM, sumbangan komputer riba kepada pelajar asnaf, serta simbolik sumbangan bagi Projek Perolehan Bas USIM.

Program ini telah berjalan dengan lancar dan diakhiri dengan sesi fotografi serta jamuan berbuka puasa. Diharapkan pelaksanaan program ini dapat memberi manfaat berterusan kepada warga USIM, khususnya pelajar yang menerima sumbangan.

# LAPORAN AKTIVITI



## KEPRIHATINAN USIM: ZIARAH MAHABBAH SANTUNI PELAJAR DAN KELUARGA SEPANJANG 2025

Disediakan: Maznida Binti Ahmad

**NILAI** - Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bersama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNCHEPA) serta delegasi universiti telah melaksanakan beberapa siri ziarah prihatin dan ziarah mahabbah bagi menyantuni pelajar USIM serta ahli keluarga yang ditimpa musibah akibat kemalangan jalan raya di Kuantan, Pahang; Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA); dan Kelantan sepanjang tahun 2025.

Ziarah ini melibatkan pelajar daripada Fakulti Sains dan Teknologi serta Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, termasuk menziarahi pelajar yang sedang menerima rawatan di hospital serta menyampaikan sumbangan dan tanda ingatan kepada keluarga pelajar yang telah meninggal dunia.

Usaha ini turut disertai oleh wakil fakulti, Pusat Hal Ehwal Pelajar (PHEP), Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta rakan kerjasama strategik. Inisiatif ini mencerminkan keprihatinan berterusan USIM terhadap kebajikanarganya.

## KEKURANGAN BUKAN PENGHALANG IMPIAN PELAJAR OKU DAN B40

Disediakan: Siti Zulaikha Binti Arep



**NILAI** - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) terus menzahirkan keprihatinan terhadap kebajikan pelajar dengan menyalurkan bantuan kewangan kepada pelajar baharu termasuk golongan OKU dan B40 sepanjang sesi 2025/2026.

Bantuan ini merangkumi pelajar OKU dari pelbagai kategori seperti fizikal, penglihatan, pendengaran dan pertuturan, serta pelajar berpendapatan rendah. Selain itu, Bantuan Awal Pengajian turut diberikan kepada pelajar OKU bagi memudahkan mereka menempuh sesi pengajian baharu dengan lebih selesa. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen PWZ untuk memastikan akses pendidikan yang inklusif dan menyeluruh, serta menyantuni kebajikan semua pelajar tanpa mengira latar belakang atau keupayaan.

PWZ USIM terus berperanan sebagai pemangkin dalam pembangunan kebajikan pelajar melalui pelbagai skim bantuan, dana infaq, dan agihan zakat yang dilaksanakan secara berterusan, sejajar dengan aspirasi universiti untuk membina komuniti pembelajaran yang prihatin, adil, dan mesra OKU.

# LAPORAN AKTIVITI



## PWZ USIM INTAI KEPAKARAN UPM PERKUKUH EKONOMI BERASASKAN TERNAKAN

Disediakan: Abd Ghafar Bin Rabu

**NILAI** – Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengadakan kunjungan hormat ke Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi menjayakan sesi perkongsian bersama Seksyen Ternakan, Pusat Pertanian Putra UPM. Sesi ini diketuai oleh Encik Md Rozaidi bin Md Yusof, Ketua Seksyen Ternakan UPM.

Delegasi PWZ USIM diketuai oleh Profesor Madya Dr. Ahmad Zaki, Pengarah PWZ bersama Dr. Nur Ainna Ramli, Timbalan Pengarah PWZ, serta beberapa pegawai PWZ USIM. Sesi perbincangan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran berkaitan pengurusan serta pembangunan projek ternakan.

Perbincangan turut memberi fokus kepada perancangan projek ternakan berimpak tinggi yang berpotensi dilaksanakan secara kolaboratif dan mampu memberi manfaat kepada USIM khususnya dalam menjana pendapatan wakaf serta memperkukuh kelestarian ekonomi universiti.

## USIM DAN TABUNG HAJI PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK MELALUI SIRI KUNJUNGAN HORMAT

Disediakan: Ardini Qistina Binti Satar



**NILAI** – Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Lembaga Tabung Haji (TH) terus memperkukuh hubungan strategik melalui beberapa siri kunjungan hormat yang diadakan sepanjang tahun 2025, melibatkan kunjungan dua hala antara kedua-dua institusi di USIM, Seremban dan Kuala Lumpur. Kunjungan ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkasakan kerjasama sedia ada demi manfaat bersama.

Kerjasama antara USIM dan TH telah lama terjalin menerusi pelaksanaan Program Iqra' TH yang diterajui oleh Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) serta program Eksekutif Pembimbing Ibadah Haji dan Umrah (EPIH) yang dikendalikan oleh Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Selain itu, TH turut menganjurkan Kursus Haji Perdana Peringkat Negeri Sembilan di Kompleks Islam Tuanku Muhriz (KITM), USIM.

Siri pertemuan ini turut membuka ruang perbincangan ke arah peluasan kerjasama strategik dan pelaksanaan program bersama yang berpotensi memberi impak positif kepada masyarakat serta warga USIM pada masa hadapan.

Menariknya, pada 28 November 2025, PWZ USIM menghadiri Program "TH Premier Circle @ NisMilan" di Seremban sebagai tanda sokongan dan pengiktirafan TH terhadap rakan strategik mereka. Delegasi USIM yang diketuai Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki Salleh dan Prof. Madya Dr. Nur Ainna Ramli menegaskan komitmen berterusan PWZ dalam memperkukuh jaringan strategik, seterusnya memberi impak positif kepada warga USIM dan memperkasakan pembangunan komuniti secara holistik.

# LAPORAN AKTIVITI



## PWZ USIM SOKONG WACANA ILMIAH, TAJA YURAN PELAJAR SEMINAR ANTARABANGSA

Disediakan: Nurul Husna Binti Annuar

**PUTRAJAYA-** Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menaja yuran penyertaan bagi 10 orang pelajar dalam Seminar Wahyu Asas Tamadun Antarabangsa Ke-10, anjuran Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) yang berlangsung di Kompleks Nasyrul Quran, Putrajaya.

PWZ diwakili oleh Prof Madya Dr. Ahmad Zaki Salleh, Pengarah PWZ hadir sebagai jemputan penaja bagi program ini bagi menyokong usaha memperkasa wacana keilmuan berteraskan wahyu dalam membina tamadun insan. Seminar dirasmikan oleh YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Kesediaan PWZ menaja yuran bernilai RM1,500 menunjukkan komitmen berterusan dalam menyantuni kebajikan pelajar serta memperkukuh peranan zakat dan wakaf sebagai pemangkin pembangunan ilmu dan ummah.

## LENSA KREATIF: PELAJAR USIM BUKTIKAN BAKAT LUAR BIASA MELALUI PERTANDINGAN VIDEO PENDEK

Disediakan: Hakimah Binti Hamir



**NILAI -** Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dengan kerjasama Bank Rakyat, telah menganjurkan Pertandingan Video Pendek terbuka kepada semua pelajar USIM. Pertandingan ini menyediakan platform untuk pelajar menzahirkan kreativiti mereka sambil menyampaikan mesej yang berimpak. Penyertaan telah dilanjutkan sehingga 20 Ogos 2025 dengan hadiah menarik termasuk johan RM500, naib johan RM300, tempat ketiga RM200, serta 30 hadiah saguhati bernilai RM50 setiap seorang.

Majlis Penyampaian Hadiah pertandingan ini telah diadakan bagi meraikan kreativiti pelajar serta mengiktiraf usaha mereka. Siri program ini mencerminkan komitmen PWZ USIM dalam memupuk kreativiti pelajar serta menyemai semangat penglibatan aktif dalam pelbagai inisiatif universiti.

# LAPORAN AKTIVITI



## JERAYAWARA 2025: PWZ PERKUKUH JALINAN STRATEGIK BERSAMA FAKULTI USIM

Disediakan: Ardini Qistina Binti Satar

**NILAI** - Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) meneruskan inisiatif Jerayawara 2025 bagi memperkukuh hubungan strategik dengan semua fakulti universiti. Program ini menyediakan platform libat urus dua hala, perkongsian idea, dan perbincangan penambahbaikan demi memperkasakan agenda kebajikan dan pembangunan universiti.

Siri Jerayawara dimulakan bersama Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) pada 23 Oktober, diikuti Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) pada 29 Oktober, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) pada 10 Disember, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) pada 16 Disember serta Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) pada 19 Disember 2025.

PWZ berharap inisiatif ini akan terus memperkukuh kerjasama dengan fakulti, memudahkan perkongsian pengetahuan serta meningkatkan manfaat program wakaf dan zakat kepada seluruh warga USIM.

## DEKLARASI AMANAH: KEUNGGULAN USIM MEMPERKASA DANA ZAKAT DAN WAKAF MELALUI KOLABORASI KORPORAT

Disediakan: Muhammad Fahmi Bin Mohd Zain



**NILAI** - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) telah mengadakan Simbolik Penyerahan Kutipan Zakat dan Wakaf kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) serta menerima sumbangan daripada badan korporat tertinggi sempena Majlis Santapan Konvokesyen ke-23.

USIM menyerahkan kutipan Zakat berjumlah RM2,559,291.68 dan Wakaf RM181,607.23 setakat Oktober 2025 sebagai komitmen universiti dalam memastikan pengurusan dana yang telus dan berimpak kepada ummah. Penyerahan disampaikan oleh Naib Canselor USIM, YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani kepada wakil MAINS Cawangan Nilai, Pn. Azizah Abdul Aziz dan disaksikan oleh DYMM Tuanku Canselor, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud.

Majlis turut menyaksikan penyerahan sumbangan korporat kepada PWZ USIM sebagai simbol sokongan strategik dalam memperkasa kebajikan pelajar dan pembangunan universiti. Antara penyumbang utama ialah Lembaga Tabung Haji (RM750,000), Maybank Islamic Berhad (RM283,000), Dana Asy-Syakirin (RM200,000) dan PLUS Malaysia Berhad (RM100,000).

# LAPORAN AKTIVITI



## PENYERAHAN BAUCER ZAKAT KOPERASI SISWA (KOSISWA) USIM KEPADA PUSAT WAKAF DAN ZAKAT USIM

Disediakan: Maznida Binti Ahmad

**NILAI** – Majlis Penyerahan Baucer Zakat oleh Koperasi Siswa (KOSISWA) USIM kepada Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) USIM telah berlangsung dengan jayanya di Pusat Keusahawanan Pelajar (Student Mall). Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBrs. Prof. Dr. Mushaddad Hasbullah yang turut menyempurnakan simbolik penyerahan sumbangan zakat tersebut.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen KOSISWA USIM dalam melaksanakan tanggungjawab zakat sebagai sebahagian daripada pengurusan kewangan Islam, di samping membantu golongan memerlukan dalam kalangan warga universiti. Majlis turut dihadiri oleh barisan pengurusan PWZ, PKUU, wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Ahli Lembaga Pengarah KOSISWA serta warga USIM. PWZ USIM merakamkan penghargaan kepada KOSISWA USIM dan berharap usaha ini menjadi pemangkin kepada kerjasama strategik yang lebih luas pada masa hadapan.

## PWZ USIM PERKUKUH KEBAJIKAN PELAJAR MELALUI PROGRAM AGIHAN MAKANAN PERCUMA 2025

Disediakan: Siti Zulaikha Binti Arep




**NILAI** – Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus komited dalam menyantuni kebajikan pelajar melalui pelaksanaan Program Agihan Makanan Percuma yang dijalankan secara berperingkat sepanjang tahun 2025 di bawah Program Dapur HEPA (Dapur MADANI).

Pelaksanaan program ini bermula dengan Agihan Makanan Percuma Bil. 1/2025 pada bulan Januari lalu yang telah memberi manfaat kepada lebih 100 orang pelajar USIM. Usaha ini diteruskan menerusi Agihan Makanan Percuma Bil. 2/2025 yang melibatkan pengagihan 200 pek makanan dan minuman kepada pelajar sarjana muda dan tamhidi. Sepanjang siri program ini telah dihadiri oleh Profesor Madya Dr. Mushaddad Hasbullah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), bersama Profesor Madya Dr. Ahmad Zaki, Pengarah PWZ, Profesor Madya Dr. Nur Ainna Binti Ramli, Timbalan Pengarah PWZ dan warga PWZ yang lain.

Siri seterusnya iaitu Agihan Makanan Percuma Bil. 3/2025 hingga Bil. 5/2025 diteruskan sebagai inisiatif kebajikan berterusan khususnya bagi membantu pelajar yang memerlukan dengan penyertaan terhadap kepada 200 orang pelajar bagi setiap siri. Kesemua siri agihan ini direalisasikan melalui sumbangan Tabung It'am Muhtajin (*Food For Needy*) yang disalurkan oleh warga USIM, institusi, badan korporat serta individu.


# KE MANAKAH SUMBANGAN ANDA?

## STATISTIK JUMLAH KUTIPAN (JANUARI - DISEMBER 2025)



# KE MANAKAH SUMBANGAN ANDA?

## STATISTIK JUMLAH AGIHAN (JANUARI - DISEMBER 2025)



# LENSA

# PUSAT WAKAF DAN ZAKAT




# LENSA

# PUSAT WAKAF DAN ZAKAT



# LENSA PUSAT WAKAF DAN ZAKAT



# LENSA

# PUSAT WAKAF DAN ZAKAT



# LENSA

# PUSAT WAKAF DAN ZAKAT





# LENSA PUSAT WAKAF DAN ZAKAT



# Jom turut menyumbang bersama

## PUSAT WAKAF DAN ZAKAT



جزاك الله خيرا



Pusat Wakaf dan Zakat,  
Kompleks Islam Tuanku Muhriz,  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan



 Pusat Wakaf dan Zakat USIM

 @pwzusim

 <http://pwz.usim.edu.my/>

 <https://jominfoq.usim.edu.my/>